

Artikel

Kebangkitan Perikatan Nasional Melalui Sokongan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya DUN Negeri Sembilan Ke-15

(The Rise of The National Alliance Through The Support of Malay Voters in The 15Th State Negeri Sembilan General Election)

Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar*

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jab@ukm.edu.my

Diserah: 30 November 2025 / Diterima: 30 Januari 2026

Abstrak: Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-15 Negeri Sembilan menyaksikan kebangkitan Perikatan Nasional (PN) apabila berjaya memenangi lima kerusi DUN daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. PN menang di kawasan DUN Labu, Paroi, Bagan Pinang, Gemas dan Serting. Kemenangan bermakna lima DUN ini telah menimbulkan pelbagai persoalan dan perhatian untuk diselidiki duduk sebenar jalan ceritanya. Lantaran itu, artikel ini cuba menyelami situasi disebalik keputusan luar jangka lima kawasan DUN yang dimenangi PN tersebut sebagai kawasan kajian. Penyelidik meletakkan tiga keutamaan sebagai objektif penulisan. Pertama, penyelidik akan menyoroti keputusan pilihan raya bagi lima kawasan tersebut sejak bermulanya pilihan raya bermula 1959. Kedua, mengenal pasti prestasi dan pola pengundian parti politik yang menang di kawasan tersebut pada PRN-15. Ketiga, penyelidik akan cuba menghuraikan isu dan faktor berlakunya perubahan tingkah laku pengundi lima kawasan tersebut yang beralih sokongan kepada PN. Penulisan ini menggunakan sumber sekunder daripada laporan SPR, buku, jurnal, makalah, laman sesawang dan akhbar atas talian sebagai data kajian. Secara kuantitatif, PN menguasai 53.94 peratus undi berbanding gabungan PH/BN yang memperoleh 42.45 peratus, sekali gus mencerminkan kecenderungan pengundi Melayu yang lebih memihak kepada PN. Dari sudut kualitatif, pengundi BN khususnya UMNO masih berasa ragu dan keliru terhadap kerjasama tersebut, terutama kerana penglibatan DAP, manakala sebahagian penyokong PH pula kekal skeptikal terhadap BN yang sering dikaitkan dengan isu rasuah dan kelemahan tadbir urus. Secara keseluruhan, artikel ini memberikan gambaran baharu tentang hala tuju dan tingkah laku politik orang Melayu di Negeri Sembilan serta memperkayakan pemahaman terhadap dinamika politik negeri tersebut.

Kata kunci: Kerajaan Perpaduan; BERSATU; Perikatan Nasional; PAS, politik orang Melayu.

Abstract: The 15th State Election (PRN) of Negeri Sembilan witnessed the rise of the Perikatan Nasional (PN) when it successfully won five state assembly seats out of the 36 state assembly seats contested. PN won in the Labu, Paroi, Bagan Pinang, Gemas and Serting state assembly constituencies. The victory meant that these five state assemblies had raised a various questions and attention to be investigated to find out the true story. Therefore, this article attempts to delve into the situation behind the unexpected results of the five state assembly constituencies won by PN as the study area. The researcher has set three priorities as the study objectives. First, the researcher will highlight the election results for the five constituencies since the start of the election in 1959. Second, identify the performance and voting patterns of the political parties that won in the constituencies in the PRN-15. Third, the researcher will try to explain the issues and factors that led to changes in the behavior of voters in the five constituencies who switched support to PN. This writing uses

secondary sources from EC reports, books, journals, articles, websites and online newspapers as research data. Quantitatively, PN controlled 53.94 percent of the votes compared to the PH/BN coalition which obtained 42.45 percent, thus reflecting the tendency of Malay voters to favor PN. From a qualitative perspective, BN voters, especially UMNO, still feel doubtful and confused about the collaboration, especially because of the involvement of DAP, while some PH supporters remain skeptical of BN which is often associated with corruption issues and weak governance. Overall, this article provides a new picture of the direction and political behavior of the Malays in Negeri Sembilan as well as enriching the understanding of the political dynamics of the state.

Keywords: Unity Government; BERSATU; Perikatan Nasional; PAS; Malay politics

Pengenalan

Kerjasama strategik antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 Negeri Sembilan pada 12 Ogos 2023 telah menghasilkan kemenangan besar apabila gabungan ini berjaya memperoleh majoriti dua pertiga dengan memenangi 31 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Secara keseluruhan, PH memenangi 17 kerusi manakala BN melalui UMNO memperoleh 14 kerusi, sekali gus membolehkan pembentukan kerajaan negeri yang stabil dan berterusan. Keputusan ini turut menyaksikan pelantikan semula Datuk Seri Utama Aminuddin Harun sebagai Menteri Besar bagi penggal kedua, sekali gus memperkukuh legitimasi politik gabungan PH dan BN di Negeri Sembilan. Kemenangan tersebut pada zahirnya telah mencerminkan keberkesanan kerjasama pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) serta penerimaan pengundi terhadap model kerajaan perpaduan di peringkat negeri.

Namun begitu, di sebalik kemenangan besar PH dan BN, keputusan PRN-15 turut memperlihatkan kebangkitan Perikatan Nasional (PN) yang berjaya memenangi lima kerusi DUN, iaitu Labu, Paroi, Bagan Pinang, Gemas dan Serting. Kejayaan ini dianggap keputusan yang mengejutkan kerana sebahagian kerusi tersebut merupakan kubu tradisi PH dan UMNO, yang sebelum ini sinonim dengan sokongan pengundi Melayu luar bandar serta komuniti FELDA. Peralihan sokongan ini menimbulkan persoalan penting tentang perubahan tingkah laku pengundi, khususnya dalam kalangan pengundi Melayu, serta faktor-faktor yang mendorong penerimaan dan sokongan kepada PN di kawasan yang sebelum ini dianggap selamat bagi gabungan parti kerajaan. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan meneliti beberapa persoalan utama, iaitu apakah faktor yang mendorong peralihan sokongan pengundi di lima DUN tersebut kepada Perikatan Nasional; bagaimana corak tingkah laku pengundi pasca-PRU-15 mempengaruhi keputusan PRN-15; dan sejauh manakah dinamika geopolitik, sentimen nasional serta isu tempatan membentuk pola pengundian di Negeri Sembilan.

Politik pilihan raya luar negara

Kajian luar negara menunjukkan bahawa faktor kontekstual dan strategi kempen memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan pengundian. Evans et al. (2017) menunjukkan bahawa dimensi calon tempatan atau *candidate localness* berperanan meningkatkan sokongan pengundi apabila calon tersebut dilihat sebagai sebahagian daripada komuniti setempat. Keadaan ini seterusnya memberikan kelebihan kepada parti politik dari segi prestasi dan penerimaan di peringkat kawasan dalam sesuatu pilihan raya. Sementara itu, Meesuwan (2016) dan Jungherr (2016) menekankan kepentingan media digital sebagai alat mobilisasi politik moden, khususnya dalam meningkatkan jangkauan kempen, interaksi dua hala dan kepercayaan pengundi, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa interaksi antara faktor calon tempatan dan keupayaan mereka memanfaatkan saluran komunikasi baharu memainkan peranan penting dalam membentuk pola pengundian semasa. Namun demikian, kesan dan keberkesanan faktor-faktor ini perlu ditafsirkan secara berhati-hati dengan mengambil kira kerencaman konteks politik, sosial dan budaya setempat.

Politik pilihan raya di malaysia

Kejatuhan Barisan Nasional (BN) dalam PRU-14 merupakan titik perubahan besar dalam sejarah politik Malaysia yang dipengaruhi oleh gabungan faktor struktur dan psikologi pengundi. Junaidi, Abdul Muein dan Ahmad Afif (2018) menjelaskan bahawa tekanan kos sara hidup, kemerosotan ekonomi dan krisis keyakinan terhadap kepimpinan BN telah membentuk gelombang penolakan rakyat yang meluas. Faktor ini diperkuatkan lagi oleh persepsi negatif terhadap skandal tadbir urus serta keberkesanan perang persepsi yang dimainkan sepanjang kempen. Malike dan Abdul Salim (2022) pula menambah bahawa kegagalan kepimpinan BN memahami aspirasi pengundi muda Melayu yang menuntut kepimpinan bersih dan berintegriti turut menyumbang kepada kejatuhan BN, sekali gus menjadikan PRU-14 sebagai manifestasi kemuncak ketidakpuasan rakyat kepada parti pemerintah.

Dari sudut geografi politik, pola pengundian PRU-14 memperlihatkan perbezaan yang jelas antara kawasan bandar dan luar bandar. Junaidi et al. (2020) mendapati bahawa hampir keseluruhan kawasan bandar telah dikuasai oleh Pakatan Harapan (PH), manakala sokongan di kawasan luar bandar majoriti Melayu kekal berpihak kepada UMNO/BN dan PAS. Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan politik tidak berlaku secara seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh latar sosioekonomi dan budaya setempat. Rosmadi, Mohd Muslim dan Muhammad Fathi (2019) menegaskan bahawa cabaran terbesar PH pasca PRU-14 ialah mendapatkan semula sokongan pengundi Melayu luar bandar yang masih berpegang kuat kepada nilai tradisi, agama dan kepimpinan tokoh tempatan. Dalam konteks kempen politik moden, peranan media sosial dan perang persepsi semakin dominan dalam membentuk tingkah laku pengundian. Ismail (2021) merumuskan bahawa media sosial berfungsi sebagai medium penyampaian mesej politik yang pantas, mudah difahami dan berkesan dalam mempengaruhi emosi pengundi. Keadaan ini turut membuka ruang kepada pembentukan undi protes yang digerakkan oleh sentimen semasa. Muhammad Yusri (2022) pula menegaskan kewujudan kelompok “majoriti senyap” yang tidak terlibat secara aktif dalam wacana politik terbuka, namun dipengaruhi secara jelas oleh naratif yang beredar di media sosial, terutamanya dalam tempoh berkempen.

Selain itu, pengundi muda dan belia muncul sebagai kumpulan dominan yang semakin jelas dalam menentukan hala tuju politik negara. Nur Ellyanis, Mohd Fuad dan Junaidi (2022) menunjukkan bahawa PRU-14 membuktikan kepentingan suara belia Melayu dalam mencorakkan keputusan pilihan raya. Golongan ini cenderung memberi sokongan terhadap naratif bersih, stabil dan adil, di samping sensitif terhadap isu identiti. Mohd Azhar dan Kassim (2022) menegaskan bahawa isu kaum dan agama masih berkesan sebagai alat kempen politik, khususnya dalam kalangan pengundi muda dan atas pagar, manakala Noordin (2023) menekankan peranan komunikasi digital dan pepengaruh (influencer) dalam membentuk persepsi politik generasi muda. Perkembangan pasca PRU-14 turut menyaksikan kebangkitan Perikatan Nasional (PN) dan fenomena yang digambarkan sebagai ‘gelombang hijau’. Junaidi (2023) merumuskan bahawa kejayaan PN banyak didorong oleh penggunaan slogan ‘BEST’ yang menekankan nilai bersih dan stabil, di samping naratif mempertahankan kepentingan Melayu dan Islam. Junaidi et al. (2023) pula menjelaskan bahawa keputusan PRN enam negeri pada 2023 memperlihatkan kemerosotan hegemoni UMNO dan pengukuhan sokongan kepada PN dalam kalangan pengundi Melayu. Adibah dan Jamaie (2023) menegaskan bahawa strategi PN yang agresif melalui media sosial serta eksploitasi sentimen agama dan perkauman lebih berkesan di kawasan majoriti Melayu.

Dalam kerangka tingkah laku politik, beberapa kajian menegaskan bahawa pengundi masa kini bersifat semakin terbuka dan tidak statik. Junaidi, Mohd Fuad dan Nur Azuki (2021) menegaskan bahawa tingkah laku pengundi dipengaruhi oleh pelbagai strategi dan konteks semasa, menjadikannya sukar diramal. Mohd Mahadee Ismail et al. (2023) mendapati bahawa pengundi baharu khususnya cenderung kekal sebagai pengundi atas pagar dan tidak terikat secara mutlak kepada mana-mana parti. Mohd Noor (2023) pula melihat kerjasama politik yang sebelum ini dianggap mustahil sebagai sesuatu yang normal dalam realiti politik kontemporari, mencerminkan sifat pragmatik politik Malaysia. Akhirnya, landskap politik pasca PRU-15 dan PRN 2023 memperlihatkan peralihan yang menarik tentang sokongan pengundi Melayu. Ong Kian Ming (2024) mendedahkan bahawa sebahagian besar pengundi Melayu yang sebelum ini menyokong BN telah beralih kepada PN, termasuk di kerusi DUN yang ditandingi DAP. Peralihan ini bukan sahaja menandakan kemerosotan dominasi tradisional UMNO, malah mengesahkan bahawa sokongan politik Melayu kini

semakin dipengaruhi oleh isu tadbir urus, identiti dan keberkesanan naratif politik, sekali gus mengukuhkan sifat dinamik dan berubah-ubah dalam geografi politik Malaysia.

Secara keseluruhannya, literatur pasca PRU-14 hingga PRN 2023 memperlihatkan bahawa landskap politik Malaysia semakin dicorakkan oleh gabungan faktor struktur ekonomi, krisis kepimpinan, kebangkitan pengundi muda, serta dominasi media sosial sebagai medan perang persepsi. Pola sokongan menunjukkan pemisahan jelas antara bandar dan luar bandar, dengan kawasan majoriti Melayu menjadi medan persaingan utama yang dipengaruhi naratif identiti, agama dan tadbir urus. Dalam konteks ini, kebangkitan PN dan gelombang hijau mencerminkan peralihan kesetiaan politik Melayu yang semakin terbuka dan dinamik, sekali gus mengukuhkan hujah bahawa tingkah laku pengundian di Malaysia tidak lagi statik, tetapi responsif terhadap konteks geopolitik, geobudaya dan komunikasi politik semasa

Politik pilihan raya di Negeri Sembilan

Pola sokongan etnik dalam PRU-14 di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa identiti calon masih memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan pengundi Melayu. Junaidi, Mokhtar dan Mokhtar (2020) mendapati bahawa calon Melayu Barisan Nasional menerima sokongan yang lebih tinggi berbanding calon Melayu Pakatan Harapan, sekali gus membuktikan bahawa faktor etnik belum terhakis sepenuhnya dalam politik pilihan raya negeri ini. Namun demikian, dapatan ini tidak boleh ditafsir secara terpisah daripada konteks perubahan politik yang lebih luas. Junaidi et al. (2021b) menegaskan bahawa tumbangnya BN di Negeri Sembilan dalam PRU-14 bukan sekadar peralihan sokongan parti, tetapi mencerminkan perubahan budaya politik pengundi Melayu yang semakin kritikal, pragmatik dan responsif terhadap isu semasa, khususnya berkaitan kepimpinan dan tadbir urus.

Dalam tempoh pasca PRU-14, dinamika politik Negeri Sembilan menjadi semakin kompleks melalui dua Pilihan Raya Kecil yang signifikan, iaitu PRK Parlimen Port Dickson dan PRK DUN Rantau. Junaidi, Mohd Fuad dan Nur Azuki (2021a) menjelaskan bahawa kemenangan besar Anwar Ibrahim di Port Dickson mengukuhkan kedudukan dan legitimasi beliau sebagai pemimpin nasional, manakala kemenangan Mohamad Hasan di Rantau pula mengesahkan kekuatan kepimpinan tempatan UMNO di peringkat negeri. Keputusan yang berbeza ini membuktikan bahawa pengundi Negeri Sembilan mampu membuat pertimbangan yang berlapis, membezakan antara keperluan politik nasional dan kepimpinan setempat, sekali gus menolak tanggapan bahawa tingkah laku pengundian bersifat ideologikal atau homogen.

Dari sudut geografi politik, perbezaan sokongan antara kawasan bandar dan luar bandar kekal sebagai pola yang konsisten di Negeri Sembilan. Kajian oleh Khairul Syakirin et al. (2022) menunjukkan bahawa pengundi Melayu di kawasan luar bandar lebih cenderung menyokong parti berteraskan Melayu seperti PAS dan BERSATU, manakala pengundi bandar, khususnya golongan muda, terus memberikan sokongan kepada Pakatan Harapan. Perbezaan ini berkait rapat dengan tahap celik maklumat, akses kepada media digital dan pembentukan sentimen politik semasa. Dapatan ini disokong oleh kajian mikro Siti Sarah Syazwani dan Junaidi (2024) di DUN Paroi yang mendapati bahawa pengundi bandar semakin membuat keputusan berdasarkan isu semasa dan maklumat daripada pelbagai medium, menandakan peningkatan kesedaran politik dan rasionaliti pengundian.

Selain faktor geografi, peranan media sosial dan isu tempatan semakin dominan dalam membentuk tingkah laku pengundi di peringkat mikro. Kajian oleh Mokhtar, Junaidi dan Mohd Fuad (2024) di DUN Labu menunjukkan bahawa keputusan PRU-14 dipengaruhi secara jelas oleh isu setempat, persepsi terhadap calon serta keberkesanan penggunaan media sosial sebagai alat mobilisasi politik. Mokhtar dan Junaidi (2024) turut menegaskan bahawa pengundi Negeri Sembilan semakin menilai calon berdasarkan keupayaan menunaikan janji, tahap keterlibatan dengan masyarakat dan komunikasi dua hala, sekali gus mengukuhkan peranan media sebagai pengantara utama antara elit politik dan pengundi.

Faktor sosioekonomi turut menjadi pemboleh ubah penting dalam menentukan rasionaliti politik pengundi. Siti Fatimah dan Junaidi (2024) mendapati bahawa tahap pendidikan dan pendapatan membentuk corak kecenderungan politik yang berbeza. Golongan berpendidikan dan berpendapatan tinggi cenderung membuat pilihan berasaskan ideologi dan pertimbangan dasar, manakala pengundi berpendapatan rendah dan luar bandar lebih dipengaruhi oleh isu kebajikan, pembangunan setempat dan sentimen semasa. Pola ini

menjelaskan mengapa sokongan terhadap Perikatan Nasional dan Barisan Nasional lebih ketara di kawasan luar bandar, manakala Pakatan Harapan kekal dominan di kawasan bandar.

Perkembangan politik pasca PRN-15 Negeri Sembilan pula memperlihatkan peralihan sokongan Melayu yang semakin jelas terhadap Perikatan Nasional. Mohd Rizal et al. (2023) menjelaskan bahawa berlaku peningkatan mendadak sokongan kepada PN, khususnya dalam kalangan pengundi Melayu muda, sehingga gabungan tersebut berjaya memenangi lima kerusi DUN. Mokhtar dan Junaidi (2025a) menegaskan bahawa keputusan di DUN Labu merupakan isyarat penolakan sebahagian pengundi Melayu terhadap PH dan Kerajaan Perpaduan PH dan BN, dipengaruhi oleh naratif nasional, kegusaran identiti dan sentimen politik yang menular di peringkat persekutuan dan negeri.

Secara keseluruhannya di Negeri Sembilan, literatur terdahulu menunjukkan bahawa pola pengundian bersifat dinamik dan berlapis, selari dengan peranan ruang, budaya politik dan konteks setempat dalam membentuk kecenderungan pengundi. Peralihan sokongan pengundi Melayu tidak dapat ditafsir secara reduksionis sebagai reaksi terhadap isu nasional semata-mata, sebaliknya mencerminkan interaksi antara faktor lokaliti, kepimpinan setempat, sentimen identiti serta peranan media sosial yang berfungsi secara berbeza mengikut ruang bandar dan luar bandar. Walaupun pelbagai kajian telah meneliti faktor etnik, sosioekonomi dan komunikasi politik secara terpisah, masih wujud jurang kajian yang ketara dari segi pengintegrasian dimensi geobudaya dan analisis longitudinal terhadap perubahan pola sokongan pengundi Melayu luar bandar pasca PRU-14 hingga PRN-15, justeru menuntut suatu pendekatan konseptual yang lebih holistik dan berteras ruang.

Dapat dirumuskan, literatur luar negara menekankan peranan lokaliti, media digital dan konteks ruang dalam membentuk tingkah laku pengundian, manakala kajian di Malaysia membuktikan bahawa faktor tersebut berinteraksi dengan isu etnik, identiti dan tadbir urus dalam membentuk pola sokongan politik. Dalam konteks Negeri Sembilan, hubungan ini menjadi lebih spesifik apabila dimensi geobudaya, kepimpinan setempat dan perbezaan bandar dan luar bandar menentukan arah perubahan sokongan pengundi Melayu secara tidak seragam

Metodologi

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis interpretatif berasaskan data sekunder bagi meneliti faktor dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15) di Malaysia. Pendekatan ini menekankan sintesis dan penilaian kritis terhadap dapatan kajian terdahulu yang berkaitan dengan tingkah laku pengundi dan dinamika politik tempatan. Analisis dijalankan secara kontekstual dengan menghubungkan dimensi teoritikal dan empirikal bagi membina kefahaman yang menyeluruh. Penggunaan triangulasi data bertujuan meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan hujahan yang dikemukakan.

Pengumpulan data dilaksanakan melalui gabungan kajian kepustakaan dan carian internet yang melibatkan sumber bercetak serta digital. Bahan rujukan merangkumi penulisan akademik, laporan institusi berkaitan pilihan raya, serta bahan media yang berfungsi sebagai sokongan kontekstual terhadap perbincangan. Akses kepada pangkalan data akademik, portal berita atas talian dan laman sesawang institusi penyelidikan membolehkan pengkaji menelusuri perkembangan politik semasa secara lebih sistematik. Keseluruhan sumber ini dianalisis secara selektif dan kritis bagi membina kerangka hujahan yang koheren dalam konteks ilmiah

Kawasan kajian

Sejarah keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) bagi lima penggal terakhir menunjukkan bahawa kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang menjadi fokus kajian ini pada asalnya dikuasai oleh parti pemerintah, iaitu Barisan Nasional (BN) melalui UMNO. Namun, corak penguasaan ini mula berubah pada PRU 2008 apabila kerusi DUN Paroi berjaya dirampas oleh calon PAS, diikuti dengan kemenangan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Amanah Negara (AMANAH) di kerusi Labu dan Paroi pada PRU 2018. Pada tahun 2008, PAS dan PKR bertanding di bawah gabungan Pakatan Rakyat (PR), manakala pada PRU 2018, PAS tidak lagi bersama gabungan tersebut dan digantikan oleh AMANAH dalam gabungan baharu yang dikenali sebagai Pakatan Harapan (PH). PAS pula menyertai Gerakan dalam membentuk Gagasan Sejahtera.

Namun demikian, landskap politik berubah sekali lagi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 apabila gabungan PH dan BN membentuk kerajaan perpaduan di peringkat persekutuan. Dalam konteks DUN kajian, kesemua kerusi tersebut telah jatuh ke tangan pakatan baharu, iaitu Perikatan Nasional (PN), dengan tiga kerusi dimenangi oleh calon PAS dan dua lagi oleh calon Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Jadual 1 memaparkan keputusan pilihan raya bagi DUN kajian bermula 1999 hingga 2023 di Negeri Sembilan.

Jadual 1. Keputusan pilihan raya DUN kajian bermula 1999 hingga 2023 di Negeri Sembilan

DUN	1999	2004	2008	2013	2018	2023
Serting	BN	BN	BN	BN	BN	PN
Labu	BN	BN	BN	BN	PH	PN
Paroi	BN	BN	BA	BN	PH	PN
Bagan Pinang	BN	BN	BN	BN	BN	PN
Gemas	BN	BN	BN	BN	BN	PN

Sumber: Ubahsuai SPR (1999, 2004, 2008, 2013, 2018 & 2023)

Hasil Kajian

Dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 yang berlangsung pada 12 Ogos 2023, sebanyak 23 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai majoriti pengundi Melayu telah dipertandingkan di Negeri Sembilan daripada jumlah keseluruhan kerusi DUN sebanyak 36. Daripada jumlah tersebut, gabungan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional (PH/BN) berjaya memenangi 18 kerusi, manakala Perikatan Nasional (PN) memenangi baki lima kerusi. Bagi komponen PH, kemenangan dicapai melalui empat kerusi yang terdiri daripada tiga calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan seorang calon Parti Amanah Negara (AMANAH). Sementara itu, BN yang diwakili oleh calon UMNO memperoleh kemenangan di 14 kerusi DUN. PN pula mencatat kemenangan di lima kerusi melalui tiga calon Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan dua calon Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Jadual 2 pula menunjukkan keputusan penuh PRN ke-15 bagi 23 kawasan majoriti pengundi Melayu di Negeri Sembilan.

Jadual 2. Keputusan PRU-15 bagi 23 kawasan majoriti pengundi Melayu di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Pengundi Melayu (%)	Parti Menang	Majoriti
1.	Seri Menanti	96.1	BN(UMNO)	370
2.	Palong	93.1	BN(UMNO)	564
3.	Kota	88.7	BN(UMNO)	135
4.	Gemas	85.4	PN(BERSATU)	3,120
5.	Sungai Lui	84.7	BN(UMNO)	535
6.	Chembong	83.8	BN(UMNO)	4,335
7.	Juasseh	82.5	BN(UMNO)	78
8.	Senaling	81.4	BN(UMNO)	662
9.	Paroi	79.7	PN(PAS)	5,539
10.	Serting	79.4	PN(PAS)	843
11.	Lenggeng	79.4	BN(UMNO)	685
12.	Bagan Pinang	79.3	PN(PAS)	3,426
13.	Labu	78.6	PN(BERSATU)	1,640
14.	Johol	78.1	BN(UMNO)	2,117
15.	Ampangan	76.5	PH(PKR)	329
16.	Sikamat	72.8	PH(PKR)	2,662
17.	Pertang	70.9	BN(UMNO)	2,790
18.	Klawang	67.5	PH(AMANAH)	577
19.	Pilah	66.9	PH(PKR)	1,079
20.	Linggi	64.9	BN(UMNO)	1,451
21.	Gemencheh	63.2	BN(UMNO)	2,434
22.	Rantau	57.8	BN(UMNO)	10,280
23.	Jeram Padang	56.8	BN(UMNO)	693

Sumber: SPR (20230)

Jadual 3 pula menunjukkan perbandingan keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dan Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15) bagi lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Sembilan. Analisis menunjukkan bahawa pada PRU-14, kesemua kawasan ini telah dimenangi oleh calon daripada Barisan Nasional (BN)/UMNO dan Pakatan Harapan (PH) dengan majoriti melebihi 1,000 undi, kecuali DUN Labu yang mencatatkan kemenangan tipis dengan majoriti 882 undi. DUN Paroi dan Gemas pula menyaksikan kemenangan selesa masing-masing dengan majoriti 4,841 dan 4,772 undi. Namun begitu, pada PRN-15, kelima-lima DUN tersebut telah beralih kepada pembangkang melalui Perikatan Nasional (PN), dengan majoriti yang turut dianggap besar, kecuali DUN Serting yang mencatatkan majoriti 843 undi. Jika dibandingkan secara keseluruhan antara PRU-14 dan PRN-15, jurang perubahan undi adalah signifikan dan mencerminkan dinamika politik tempatan di Negeri Sembilan yang kompleks dan menarik untuk dikaji.

Antara perubahan ketara ialah di DUN Paroi yang mencatatkan perbezaan undi sebanyak 10,380 undi, susulan kemenangan Yang Dipertua PAS Kawasan Rembau, Haji Kamarol Ridzuan, dengan majoriti 5,539 undi. DUN Gemas pula mencatatkan perbezaan 7,892 undi, diikuti DUN Bagan Pinang (5,361 undi), DUN Serting (4,611 undi), dan DUN Labu (2,522 undi). Apa yang lebih mengejutkan ialah kekalahan calon PH/BN di kawasan DUN yang mempunyai jumlah pengundi pos dan pengundi awal yang tinggi, yang kebiasaannya terdiri daripada anggota keselamatan dan selama ini dianggap sebagai penyokong tetap parti pemerintah. Selain itu, kawasan yang mempunyai populasi FELDA yang besar seperti DUN Serting juga turut menyaksikan kekalahan kepada parti pembangkang. Perubahan pola undi ini bukan sahaja menimbulkan persoalan besar terhadap kestabilan sokongan tradisi, malah turut mencerminkan peralihan sentimen politik yang mendalam. Justeru, persoalan-persoalan ini akan dihuraikan dan dianalisis dengan lebih mendalam dalam sub-bab seterusnya dalam penyelidikan ini.

Jadual 3. Perbandingan keputusan PRU-14 dan PRN-15 bagi 5 kawasan DUN kajian di Negeri Sembilan

DUN	Parti Menang PRU 14	Majoriti	Parti Menang PRU 15	Majoriti	Beza 2018/23
Serting	BN/UMNO	3,768	PN/PAS	843	4,611
Labu	PH/PMR	882	PN/BERSATU	1,640	2,522
Paroi	PH/AMANA	4,841	PN/PAS	5,539	10,380
Bagan Pinang	BN/UMNO	1,935	PN/PAS	3,426	5,361
Gemas	BN/UMNO	4,772	PN/BERSATU	3,120	7,892

Sumber: SPR (2018 & 2023)

Jadual 4. Keputusan peratusan DUN kajian mengikut gabungan parti bertanding PRN-15 di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Keluar Mengundi	PN (Peratus)	PH/BN (Peratus)	Bebas (Peratus)
1.	Serting	19,957	51.67	47.45	NA
2.	Labu	21,873	53.31	45.81	NA
3.	Paroi	43,475	54.84	42.10	2.17
4.	Bagan Pinang	21,031	51.93	35.64	NA
5.	Gemas	20,453	56.97	41.72	NA
	JUMLAH	126,789	53.94	42.45	0.74

Sumber: Ubahsuai SPR (2023)

Pola pengundian etnik melayu kawasan kajian PRU 15

Secara keseluruhannya, bagi lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang menjadi fokus kajian, Perikatan Nasional (PN) berjaya menguasai sebanyak 53.94 peratus undi, berbanding gabungan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional (PH/BN) yang memperoleh 42.45 peratus undi. Calon Bebas pula hanya menerima 0.74 peratus undi. Meskipun PH/BN berjaya menguasai kesemua kerusi Parlimen di Negeri Sembilan dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang diadakan lebih awal pada 19 November 2022, namun sokongan undi popular dalam kalangan pengundi Melayu pada Pilihan Raya Negeri (PRN-15) telah beralih kepada PN, khususnya di kawasan majoriti Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kemenangan meyakinkan PN di lima kawasan DUN serta kekalahan tipis mereka di beberapa DUN majoriti Melayu yang lain. Lebih mengejutkan, jumlah undi rosak yang tinggi turut direkodkan dalam PRN-15, khususnya di DUN

Bagan Pinang yang mencatatkan sebanyak 2,585 undi rosak atau 12.29 peratus daripada keseluruhan undi, satu angka yang jauh lebih tinggi berbanding DUN-DUN lain seperti DUN Gemas (251 undi rosak), DUN Serting (140 undi rosak), DUN Labu (159 undi rosak), dan DUN Paroi (299 undi rosak). Jadual 4 menunjukkan keputusan peratusan DUN kajian mengikut gabungan parti bertanding PRN-15 di Negeri Sembilan.

Pola pengundian mengikut daerah mengundi

Jadual 5 menunjukkan Ringkasan Keputusan PRN-15 DUN Kajian Mengikut Daerah Mengundi, Saluran Mengundi dan jumlah Undi di Negeri Sembilan. Keputusan ini menunjukkan bahawa Perikatan Nasional (PN) berjaya menguasai sebanyak 37 Daerah Mengundi, manakala gabungan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional (PH/BN) hanya memenangi 14 Daerah Mengundi. Satu Daerah Mengundi di DUN Labu, iaitu bagi Undi Awal yang dijalankan di Dewan Acacia, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban, menyaksikan keputusan seri antara calon PN dan calon PH, dengan masing-masing memperoleh 7 undi daripada keseluruhan 14 undi yang direkodkan. Sementara itu, calon Bebas Syakir Fitri, yang bertanding di DUN Paroi menggunakan simbol Pokok, mengalami kekalahan di semua Daerah Mengundi dan kehilangan wang pertaruhan. Beliau hanya memperoleh 944 undi daripada keseluruhan 43,475 undi yang dikira.

Bagi kawasan DUN Serting, daripada keseluruhan 13 Daerah Mengundi, calon Barisan Nasional (BN) yang mewakili gabungan PH/BN melalui UMNO hanya berjaya memenangi lima Daerah Mengundi sahaja. Daerah-daerah tersebut ialah Lubok Gadong, Mahsan Jaya, Kampong Gaddes, Kampong Gaddes Tengah, dan Ladang Sungai Sebalang. Namun begitu, di dua Daerah Mengundi bagi kategori Undi Pos dan Undi Awal, yang kebanyakannya melibatkan anggota keselamatan dari Pusat Latihan Polis (PULAPAH), calon PH/BN turut mengalami kekalahan. Dalam kedua-dua kategori ini, PH/BN masing-masing hanya memperoleh 30 dan 31 undi, sekali gus menunjukkan kegagalan menguasai kawasan yang sebelum ini dianggap sebagai deposit tetap parti pemerintah. Sebaliknya, calon Perikatan Nasional (PN), Ustaz Fairus, yang juga merupakan Yang Dipertua PAS Kawasan Jempol, berjaya meraih sokongan majoriti di sebahagian besar Daerah Mengundi dan mencatat kemenangan meyakinkan di DUN Serting.

Bagi kawasan DUN Labu, daripada keseluruhan lapan Daerah Mengundi, Perikatan Nasional (PN) telah memenangi empat Daerah Mengundi manakala satu Daerah Mengundi bagi kategori Undi Awal mencatat keputusan seri, dengan masing-masing calon PN dan PH memperoleh tujuh undi. PN memperoleh kemenangan di Daerah Mengundi Jijan dengan majoriti sebanyak 865 undi, diikuti Kampong Kondok (364 undi), Labu Jaya (549 undi), dan Gadong Jaya (605 undi). Sementara itu, calon PKR yang mewakili Pakatan Harapan (PH) mencatat kemenangan di Undi Pos dengan majoriti lapan undi, serta memenangi Daerah Mengundi Tiroi dengan majoriti 499 undi dan Daerah Mengundi Labu dengan majoriti 236 undi. Analisis terhadap demografi menunjukkan bahawa Daerah Mengundi Tiroi dan Labu merupakan kawasan yang mempunyai bilangan pengundi etnik bukan Melayu yang tinggi, khususnya masyarakat Cina dan India. Kawasan ini turut merangkumi beberapa perkampungan Cina dan ladang estet seperti Ladang Kirby, Ladang Labu dan Ladang Coratina yang dihuni oleh komuniti India. Corak demografi ini jelas memainkan peranan penting dalam menentukan kecenderungan politik di DUN Labu, sekali gus memberi kelebihan kepada calon PH di kawasan tertentu.

Bagi DUN Paroi, daripada keseluruhan 12 Daerah Mengundi yang dipertandingkan, calon Pakatan Harapan (PH) yang mewakili Parti Amanah Negara (AMANAH) hanya berjaya memenangi dua Daerah Mengundi sahaja, iaitu Taman Sri Permata dan Kombok. Kedua-dua kawasan ini mempunyai komposisi pengundi yang tinggi dalam kalangan etnik bukan Melayu, khususnya masyarakat Cina dan India. Bagi kawasan DUN Bagan Pinang pula, gabungan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional (PH/BN) yang diwakili oleh calon UMNO, Najib Tan Sri Isa iaitu anak kepada mantan Menteri Besar Negeri Sembilan dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Port Dickson hanya berjaya menguasai empat daripada sepuluh Daerah Mengundi yang dipertandingkan. Kemenangan calon UMNO ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti pengundi bukan Melayu, khususnya etnik India, seperti di Daerah Mengundi Ladang Atherton, Pekan Seliau, Ladang Bradwall, dan Sua Betong. Di Daerah Mengundi Telok Kemang, meskipun calon UMNO tewas secara keseluruhan, terdapat perbezaan corak pengundian antara dua pusat mengundi di kawasan tersebut. Calon UMNO memperoleh kemenangan di Sekolah Kebangsaan Telok

Kemang dengan majoriti 412 undi, namun tewas di Sekolah Menengah Agama Telok Kemang dengan majoriti 1,044 undi, menjadikan keseluruhan kekalahan di Daerah Mengundi Telok Kemang berjumlah 632 undi.

Lebih menarik, calon Perikatan Nasional (PN), Ustaz Fatah Zakaria, seorang pesara tentera yang telah menetap selama 26 tahun di Bandar Tentera Darat, Port Dickson, berjaya menguasai kategori Undi Pos dan Undi Awal dengan majoriti masing-masing sebanyak 1,185 undi dan 1,067 undi. Keputusan ini secara jelas menunjukkan bahawa majoriti anggota keselamatan, khususnya dalam kalangan tentera dan keluarga mereka, telah memberikan sokongan padu kepada calon PN, sekaligus mengeneipkan trend tradisi sebelum ini yang lazimnya lebih cenderung menyokong calon kerajaan semasa. Bagi kawasan DUN Gemas, calon Barisan Nasional (BN) yang mewakili UMNO, Abd Razak Ab Said, hanya berjaya mencatat kemenangan di satu Daerah Mengundi sahaja, iaitu Pekan Gemas. Kemenangan ini dipercayai disumbangkan oleh sokongan pengundi etnik bukan Melayu yang secara tradisinya lebih cenderung menyokong gabungan PH/BN. Komposisi demografi pengundi di Daerah Mengundi tersebut menunjukkan bahawa 52.1 peratus adalah pengundi Cina, manakala 14 peratus merupakan pengundi India, menjadikan pengundi Melayu hanya sekitar 33.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi.

Sebaliknya, di kesemua Daerah Mengundi lain dalam DUN Gemas yang majoritinya terdiri daripada pengundi Melayu, BN mengalami kekalahan, termasuk di kawasan yang sebelum ini dianggap sebagai kubu kuat parti pemerintah, iaitu Undi Pos dan Undi Awal. Kedua-dua kategori tersebut dijalankan di Sekolah Kebangsaan Kem Syed Sirajuddin, di mana calon BN tewas dengan jumlah undi sebanyak 442 undi (Undi Pos) dan 1,692 undi (Undi Awal). Keputusan ini menggambarkan satu peralihan ketara dalam pola sokongan pengundi Melayu, termasuk dalam kalangan anggota keselamatan, yang secara tradisinya dilihat menyokong parti pemerintah.

Pola pengundian mengikut saluran mengundi

Bagi menjelaskan lebih terperinci, Jadual 5 ditunjukkan Ringkasan Keputusan PRN-15 DUN Kajian Mengikut daerah mengundi, saluran mengundi dan jumlah undi di Negeri Sembilan. Adalah jelas bahawa pola pengundian mengikut saluran mengundi bagi semua DUN Kajian telah dimenangi oleh PN dengan jumlah kemenangan adalah 231 atau 64.55 peratus saluran mengundi berbanding 119 atau 34.56 peratus saluran mengundi yang dimenangi oleh PH/BN.

Pola pengundian mengikut jumlah pengundi

Jadual 5 juga menunjukkan Ringkasan Keputusan PRN-15 DUN Kajian Mengikut Daerah Mengundi, Saluran Mengundi dan Jumlah Undi di Negeri Sembilan. Adalah jelas bahawa pola pengundian mengikut jumlah pengundi menunjukkan bahawa PN menguasai 55.53 peratus jumlah undi yang dikira berbanding PH/BN yang mendapat 46.48 peratus jumlah undi yang dikira.

Jadual 5. Ringkasan keputusan PRN-15 DUN kajian mengikut daerah mengundi, saluran mengundi dan jumlah undi di Negeri Sembilan

Perkara/DUN	Gemas	Serting	Labu	Paroi	Bagan Pinang
Jumlah Daerah Mengundi (DM)	9	13	8	12	10
Daerah Mengundi PN Menang	8	8	4	10	6
Daerah Mengundi PH dan BN Menang	1	5	3	2	4
Jumlah Saluran Mengundi	59	68	67	105	54
Saluran Mengundi PN Menang	40	39	39	77	36
Saluran Mengundi PH dan BN Menang	19	28*	27*	28	17*
Jumlah Undi Di Kira	20,186	19,781	21,682	43,840	18,416
Jumlah Undi PN	11,653	10,312	11,661	23,840	10,921
Peratus Undi PN (%)	57.723	52.13	53.78	55.33	59.30
Jumlah Undi PH dan BN	8,533	9,469	10,021	18,301	7,496
Peratus Undi PH dan BN (%)	42.27	47.87	46.22	42.48	40.70
Undi Bebas (%)				2.19#	

Sumber: Ubah suai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (2023)

Nota:

- * Satu saluran seri direkodkan di DUN Serting, Labu dan Bagan Pinang.
 # Calon Bebas hanya bertanding di DUN Paroi (0.8% keseluruhan lima DUN).

Berdasarkan Jadual 5, adalah jelas bahawa Perikatan Nasional (PN) mendominasi hampir keseluruhan DUN kajian dalam PRN-15 Negeri Sembilan merentas tiga indikator utama, iaitu penguasaan daerah mengundi, saluran mengundi dan jumlah undi popular, sekali gus mencerminkan kekuatan sokongan akar umbi yang bersifat menyeluruh dan konsisten. Dominasi PN yang lebih ketara di kawasan majoriti Melayu seperti Bagan Pinang, Gemas dan Paroi menunjukkan peralihan ketara sokongan pengundi Melayu daripada PH dan BN, termasuk di kawasan yang sebelum ini dianggap kubu kuat, manakala kemenangan PH dan BN yang terhad lebih tertumpu di daerah mengundi dengan komposisi bukan Melayu yang tinggi. Pola ini mengukuhkan hujah bahawa tingkah laku pengundian dalam PRN-15 tidak lagi bersifat homogen, sebaliknya dipengaruhi oleh interaksi faktor geografi politik, lokaliti dan sentimen politik semasa, dengan sokongan kepada PN beroperasi sebagai manifestasi penegasan identiti dan respon terhadap dinamika nasional serta negeri secara serentak.

Pola pengundian mengikut lokasi geografi (taburan etnik)

Bagi memberikan penjelasan yang lebih terperinci, Jadual 6 menunjukkan jumlah komposisi etnik bukan Melayu di 14 Daerah Mengundi yang dimenangi oleh calon Pakatan Harapan dan Barisan Nasional (PH/BN) dalam lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) kajian. Analisis terhadap data ini jelas memperlihatkan bahawa kemenangan calon-calon PH/BN di kesemua Daerah Mengundi tersebut adalah disumbangkan secara signifikan oleh sokongan pengundi bukan Melayu, khususnya daripada etnik Cina dan India. Sebaliknya, dalam 37 Daerah Mengundi lain yang majoritinya terdiri daripada pengundi Melayu, corak pengundian menunjukkan penolakan yang ketara terhadap calon-calon PH/BN. Kawasan-kawasan ini secara konsisten memberikan kemenangan kepada calon-calon Perikatan Nasional (PN), yang terdiri daripada wakil BERSATU dan PAS. Fenomena ini menggambarkan dengan jelas perbezaan kecenderungan politik antara kawasan majoriti Melayu dan bukan Melayu dalam konteks PRN-15 bagi Negeri Sembilan, sekali gus menonjolkan faktor etnik sebagai salah satu penentu utama dalam pola sokongan pengundi di peringkat lokal.

Jadual 6. Komposisi etnik bukan Melayu daerah mengundi dimenangi PH/BN pada PRN-15 di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Daerah Mengundi(DM)	Etnik Cina %	Etnik India %	Jumlah %
1.	Gemas	DM Pekan Gemas	52.1	14.0	66.1
2.	Serting	DM Lubok Gadong	66.8	20.5	87.3
		DM Mahsan Jaya	57.2	26.5	83.7
		DM Kampong Gaddes	74.9	17.3	92.2
		DM Kampong Gaddes Tengah	65.4	29.2	94.6
		DM Ladang Sungai Sebaling	10	73.9	83.9
3.	Bagan Pinang	DM Ladang Atherton	8.7	85.1	93.8
		DM Pekan Seliau	13.9	74.7	88.6
		DM Ladang Bradwall	23.7	71.8	95.5
		DM Sua Betong	17.2	52.3	69.5
4.	Labu	Undi Pos			
		DM Tiroi	26.7	12.8	39.5
		DM Labu	11.2	19.6	30.8
5.	Paroi	DM Taman Sri Permata	26.2	68.0	94.2
		DM Kombok	22.2	69.3	91.5

Sumber: Ubahsuai SPR (2023)

Pola pengundian secara keseluruhan

Secara keseluruhannya, keputusan Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15) di lima kawasan DUN kajian iaitu Serting, Labu, Paroi, Bagan Pinang dan Gemas menunjukkan perubahan drastik dari segi pola pengundian dalam kalangan pengundi Melayu. Dengan peratusan pengundi Melayu melebihi 75 peratus di setiap DUN

(Serting 79.4 peratus, Labu 78.6 peratus, Paroi 79.7 peratus, Bagan Pinang 79.3 peratus, dan Gemas 85.4 peratus), dapatan ini membuktikan wujudnya gerakan penolakan yang signifikan terhadap calon-calon yang mewakili gabungan PH dan BN. Sebaliknya, sokongan pengundi Melayu telah beralih kepada calon-calon Perikatan Nasional (PN), khususnya daripada PAS dan BERSATU. Pola ini dapat dilihat dengan jelas di peringkat Daerah Mengundi, di mana PN menguasai 37 daripada 51 daerah, terutamanya di kawasan majoriti Melayu. Manakala PH dan BN hanya menang di daerah-daerah yang mempunyai komposisi pengundi bukan Melayu yang lebih tinggi.

Lebih mendalam lagi, analisis saluran mengundi turut menunjukkan bahawa PN menerima sokongan besar daripada saluran 3, 4 dan 5, iaitu kategori pengundi muda dan pertengahan usia, yang semakin terdedah kepada maklumat politik menerusi media sosial. Di samping itu, calon PN turut menguasai kategori Undi Pos dan Undi Awal, yang kebiasaannya terdiri daripada anggota keselamatan, satu perkembangan yang bercanggah dengan corak pengundian tradisi yang sering memihak kepada parti pemerintah. Perubahan ini menggambarkan peralihan tingkah laku politik orang Melayu luar bandar yang semakin kritikal dan rasional dalam membuat keputusan, bukan lagi bergantung sepenuhnya kepada kesetiaan terhadap parti pemerintah atau faktor simbolik semata-mata. Maka, keputusan PRN-15 di Negeri Sembilan telah mempamerkan satu amaran yang jelas bahawa kesedaran politik dalam kalangan pengundi Melayu semakin meningkat dan menjadi faktor penentu dalam landskap politik semasa.

Perbincangan

Terdapat beberapa isu dan faktor yang menyumbang kepada penolakan pengundi Melayu terhadap gabungan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional (PH/BN) dalam Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15) di Negeri Sembilan, khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi oleh Perikatan Nasional (PN). Faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu faktor dalaman PH/BN dan faktor luaran yang dimanfaatkan oleh PN. Antara faktor dalaman yang dikenal pasti termasuk rasa tidak puas hati dalam kalangan penyokong terhadap pemilihan calon yang diumumkan, yang membawa kepada wujudnya unsur sabotaj dalaman serta pertikaian terhadap kredibiliti calon. Di samping itu, terdapat kekecewaan terhadap prestasi wakil rakyat dan kerajaan yang dilihat tidak peduli terhadap isu-isu setempat seperti masalah Perumahan Generasi Kedua FELDA di Pasir Besar (Gemas) dan isu kelulusan sijil layak menduduki (CF) di Taman Pinggiran Felda yang telah berlarutan sekian lama. Strategi kempen yang lemah, termasuk kegagalan mengharmonikan kawasan dengan kepadatan pengundi yang tinggi serta persepsi negatif terhadap unsur kronisme dan nepotisme dalam parti, turut melemahkan keyakinan pengundi. Selain itu, kerjasama antara PH dan BN yang dilihat rapuh dan tidak meyakinkan di peringkat akar umbi turut menyumbang kepada pengalihan sokongan.

Faktor luaran yang dimanfaatkan oleh PN juga memainkan peranan penting. Kelebihan PN dalam menguasai naratif politik melalui penggunaan media sosial secara agresif dan tersusun telah memberikan kelebihan besar dalam mempengaruhi persepsi pengundi, khususnya anak muda dan pengundi atas pagar. Ini selari seperti dinyatakan oleh Ismail (2021) tentang peranan media sosial. Naratif berkaitan isu Melayu dan Islam telah digunakan secara berkesan untuk meraih simpati dan sokongan. Tambahan pula, ketiadaan isyarat yang jelas serta kekurangan kolaborasi strategik antara Menteri Dalam Negeri daripada PH dan Menteri Pertahanan daripada UMNO telah menimbulkan kekeliruan serta kekecewaan dalam kalangan anggota keselamatan. Keadaan ini mengakibatkan perubahan pola undi yang ketara, termasuk dalam kalangan pengundi pos dan undi awal di kawasan tradisi 'fixed deposit' seperti DUN Gemas dan Bagan Pinang, yang sebelum ini sinonim dengan sokongan kepada parti pemerintah tetapi dalam PRN-15 telah beralih kepada PN. Kesemua faktor ini secara kolektif menjelaskan peralihan sokongan politik orang Melayu terhadap gabungan pembangkang dan mencorakkan semula landskap politik Negeri Sembilan pasca PRU-15.

Penolakan pengundi di DUN Gemas turut berpunca daripada kerjasama yang dilihat longgar antara UMNO dan Parti Keadilan Rakyat (PKR), khususnya melibatkan calon kerajaan perpaduan yang bertanding di bawah tiket Barisan Nasional (BN). Calon tersebut didakwa tidak memanfaatkan sepenuhnya jentera dan petugas daripada gabungan Pakatan Harapan (PH), terutamanya dalam kalangan ahli PKR dan Parti Amanah Negara (AMANAH), sehingga menimbulkan rasa kecewa dan menjauhkan diri dalam kalangan penyokong

akar umbi. Keadaan ini menjadi lebih signifikan memandangkan DUN Gemas, khususnya kawasan Felda seperti Felda Jelai dan Kampong Ladang, merupakan kawasan tradisi yang sebelum ini menjadi antara kubu kuat PH, khususnya PKR.

Sejak era awal gerakan Reformasi, kawasan-kawasan ini terkenal sebagai tapak sokongan kuat kepada pembangkang ketika itu, dengan PKR dan PAS sering menganjurkan siri ceramah dan program penerangan politik secara aktif. Tambahan pula, isu-isu setempat yang tidak ditangani dengan berkesan seperti masalah Sijil Layak Menduduki (CF) di Taman Pinggiran FELDA dan isu perumahan generasi kedua FELDA di Pasir Besar terus menghantui kehidupan harian penduduk dan menjadi sumber ketidakpuasan hati pengundi. Kekecewaan dalam kalangan ahli parti, terutamanya PKR, yang merasakan mereka tidak diberi perhatian oleh kepimpinan negeri setelah PH membentuk kerajaan turut menyumbang kepada pengalihan sokongan. Kesemua faktor ini telah melemahkan jentera kempen kerajaan perpaduan dan secara tidak langsung memberi kelebihan kepada calon Perikatan Nasional (PN) di DUN Gemas.

Gemas dan Bagan Pinang merupakan dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berkongsi ciri geografi politik yang hampir sama. Di DUN Gemas terletaknya Kem Tentera Syed Sirajuddin, manakala di DUN Bagan Pinang pula menempatkan pelbagai kem tentera darat termasuk Kem Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA), menjadikan Port Dickson dikenali sebagai Bandar Tentera Darat. Justeru, kedua-dua kawasan ini mempunyai peratusan Pengundi Pos dan Pengundi Awal yang tinggi, terdiri daripada anggota keselamatan dan keluarga mereka. Dalam PRN-15, DUN Gemas mencatatkan sejumlah 1,267 pengundi pos dan 2,530 pengundi awal. Keputusan undian menunjukkan bahawa calon PN berjaya memperoleh 778 undi pos berbanding hanya 336 undi kepada calon BN. Bagi undi awal pula, PN memperoleh 2,761 undi, manakala BN sekadar mendapat 1,069 undi daripada keseluruhan 3,854 pengundi awal.

Keadaan yang hampir serupa berlaku di DUN Bagan Pinang. Daripada sejumlah 5,072 undi pos, calon PN menerima 1,877 undi, manakala calon BN hanya memperoleh 692 undi. Bagi undi awal, calon PN meraih 2,730 undi, berbanding 958 undi kepada BN daripada keseluruhan 3,711 pengundi awal yang diwartakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Keputusan ini menggambarkan satu peralihan ketara dalam corak pengundian anggota keselamatan yang selama ini dianggap sebagai 'deposit tetap' parti pemerintah. Ketiadaan koordinasi dan kerjasama yang kukuh antara Menteri Pertahanan (Mohamad Hasan – UMNO/BN) dan Menteri Dalam Negeri (Saifuddin Nasution – PKR/PH) serta Kerajaan Perpaduan yang baharu dibentuk lapan bulan sebelum PRN Negeri Sembilan telah mencetuskan kekeliruan dan keraguan dalam kalangan pengundi kelompok ini. Sekiranya trend ini berterusan dan proses demokrasi berlangsung dengan lebih terbuka, undi pos dan undi awal boleh menjadi penentu penting dalam keputusan pilihan raya di kawasan-kawasan tertentu di masa akan datang.

Di DUN Bagan Pinang, calon PN, Abdul Fatah Zakaria, yang juga seorang bekas tentera dan Yang Dipertua PAS (YDP) Kawasan Port Dickson, dilihat berjaya memanfaatkan latar belakang ketenteraannya dalam meraih sokongan anggota dan veteran tentera. Beliau berjaya memperoleh 4,606 undi daripada undi pos dan undi awal, berbanding hanya 1,650 undi yang diraih calon BN. PN turut menguasai hampir semua Daerah Mengundi majoriti Melayu, menandakan penolakan yang jelas terhadap calon kerajaan perpaduan. Penolakan ini berpunca daripada keraguan pengundi Melayu terhadap keikhlasan kerjasama antara PH dan BN, yang selama ini merupakan musuh politik. Penyokong PH, terutamanya, masih meragui integriti UMNO yang selama ini dikaitkan dengan isu rasuah, manakala penyokong BN pula sukar menerima kehadiran DAP dalam kerajaan perpaduan kerana naratif ekstremisme etnik yang dibina sejak sekian lama. Kemenangan calon BN pula hanya tertumpu di kawasan Daerah Mengundi yang majoriti bukan Melayu seperti Ladang Atherton (91.2 peratus bukan Melayu), Pekan Seliau (88.6 peratus), Ladang Bradwall (95.5 peratus), Sua Betong (69.6 peratus) dan Sekolah Kebangsaan Telok Kemang (34.7 peratus).

Sebaliknya, di pusat mengundi Sekolah Menengah Agama Telok Kemang, yang terletak dalam Daerah Mengundi Telok Kemang dan mempunyai lebih 93.4 peratus pengundi Melayu, calon PN mencatat kemenangan besar dengan majoriti 1,044 undi. Keputusan ini sekali lagi menegaskan penolakan signifikan pengundi Melayu terhadap calon UMNO/BN. Tambahan pula, pemilihan Mohd Najib Isa, anak kepada mantan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad, sebagai calon BN di DUN Bagan Pinang telah menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan pengundi. Walaupun beliau merupakan Timbalan Ketua

UMNO Bahagian Port Dickson, latar belakang bapanya yang sedang berdepan isu perbicaraan kes rasuah telah menjadi liabiliti politik. Keadaan semakin rumit apabila isteri Isa Samad, Puan Sri Bibi Sharliza, turut dicalonkan di DUN Juasseh, yang menimbulkan persepsi negatif bahawa keluarga tersebut cuba kembali berkuasa demi kepentingan peribadi.

Faktor-faktor ini telah dimanipulasi dengan berkesan oleh PN melalui penggunaan media sosial yang agresif dan meluas. PN memanfaatkan naratif bahawa gabungan mereka adalah ‘bersih’, ‘Islamik’ dan ‘boleh dipercayai’ berbanding kerajaan perpaduan yang dianggap tidak stabil dan bercampur dengan parti yang mempunyai rekod rasuah atau agenda yang mencurigakan. Naratif seperti "PH dikawal DAP" dan "UMNO parti rasuah" berjaya meresap ke dalam minda pengundi, khususnya pengundi Melayu luar bandar. Kekuatan kewangan dan sumber yang dimiliki oleh PN, hasil pernah menjadi sebahagian daripada kerajaan Persekutuan sebelum ini, turut menyumbang kepada kejayaan kempen mereka. Akhirnya, persepsi yang dibentuk melalui media sosial ini telah memberikan kelebihan ketara kepada PN dalam membina kepercayaan pengundi dan mencorakkan keputusan PRN-15 di Negeri Sembilan, khususnya di DUN Gemas dan Bagan Pinang.

Di DUN Paroi, berlaku kontroversi berhubung pemilihan calon yang menyumbang secara signifikan kepada kekalahan Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15). Isu utama yang mencetuskan ketidakpuasan hati dalam kalangan penyokong adalah penyingkiran penyandang kerusi DUN Paroi, YB Dato' Mohamad Taufek Abdul Ghani, daripada senarai calon. Sebagai gantinya, Norwani Ahmat, Ketua Wanita Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Sembilan, telah diumumkan sebagai calon dan menerima bantahan terbuka daripada akar umbi. Sebagai contoh, laporan BH Online bertarikh 25 Julai 2023 bertajuk "Kami mahu YB Taufek" memetik kenyataan Ketua Cawangan AMANAH Bandar Seremban Selatan, M. Kalai Selvan, yang menyatakan: "Kami memang tidak dapat terima Norwani dan sekiranya bukan YB Taufek dipilih sebagai calon, saya tidak akan keluar mengundi." Penolakan ini dipercayai berpunca daripada konflik dalaman parti antara dua kem, iaitu kem yang menyokong Datuk Zulkefly Mohamad Omar, Speaker Dewan Undangan Negeri dan mantan Pengerusi AMANAH Negeri, serta kem yang diketuai oleh Datuk MK Ibrahim Abd Rahman, Pengerusi AMANAH Negeri yang baharu. YB Taufek dilihat sebagai penyokong setia kem Speaker, manakala Norwani pula dikaitkan dengan kem Pengerusi baharu. Konflik ini menyebabkan jentera parti tidak bergerak secara padu di DUN Paroi. Malah, timbul tuduhan bahawa calon Bebas yang bertanding di kerusi ini ditaja oleh penyokong YB Taufek, memandangkan beliau merupakan bekas Pegawai Penyelidik dan Tugas Khas kepada ADUN tersebut.

Dalam masa yang sama, isu-isu setempat yang tidak ditangani secara tuntas turut menyumbang kepada kemerosotan sokongan pengundi Melayu terhadap PH, khususnya terhadap calon AMANAH di DUN Paroi. Antara isu yang mendapat perhatian ialah kebajikan penjaja dan peniaga kecil, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu, yang didakwa tidak diberi perhatian sewajarnya selepas pandemik COVID-19. Tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan terhadap gerai-gerai yang dikatakan berniaga di lokasi tidak dibenarkan, mengganggu lalu lintas, atau tidak menjaga kebersihan, telah menimbulkan kemarahan masyarakat. Keadaan ini memberi kesan besar kepada peniaga kecil yang sedang bergelut dengan tekanan kos sara.

DUN Serting menyaksikan penurunan sokongan pengundi Melayu kepada BN/UMNO apabila keresahan peneroka FELDA terhadap kos sara hidup dan harga sawit yang tidak menentu dimanfaatkan sepenuhnya oleh PN melalui media sosial dan “pusat membawang” seperti di gerai kopi. Naratif protes ini tersebar dengan pantas dan berkesan, sehingga wujud undi protes serta undi berpecah. Walaupun bilangan pengundi berdaftar meningkat daripada 21,146 kepada 30,287, calon BN/UMNO hanya memperoleh 9,469 undi, berbanding sebelum ini memperoleh sebanyak 9,782 undi yang dicatatkan pada PRU-14. Satu faktornya menandakan ketidakpuasan hati Melayu terhadap kerjasama UMNO/BN dengan PH-DAP. Pada masa yang sama, PH turut kehilangan sokongan apabila pengundi mereka terheret sama kecewa dengan kerjasama tersebut.

Sebaliknya, PN berjaya mengukuhkan kedudukan melalui kempen bersepadu calon mereka, Ustaz Mohd Fairuz Mohd Isa iaitu Yang Dipertua PAS (YDP) Kawasan Jempol, berserta sokongan erat Parti Gerakan Bahagian Jempol. Gerak kerja kebajikan yang dilaksanakan oleh Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan di bawah pimpinan Habibah Tumin, serta kempen berterusan Wanita Gerakan Jempol

diketuai Jemilah Baputty, berjaya menembusi pelbagai lapisan masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja menarik perhatian pengundi Melayu, malah merapatkan hubungan dengan pengundi Cina dan India, sekali gus memperlihatkan keberkesanan strategi merentasi kaum.

Bagi DUN Labu pula terdapat beberapa faktor kekalahan calon PH/PKR kepada calon PN/Bersatu yang telah diramalkan banyak pihak. Petanda awal telah mula dirasakan apabila keputusan Parlimen Rasah bagi DUN Labu menunjukkan calon PH kalah tipis. Pertamanya berlakunya kesilapan strategi PH/PKR yang hanya tertumpu di Daerah Mengundi yang tidak padat pengundi. Program-program anak muda sekadar tertumpu di kawasan Daerah Mengundi seperti Labu dan Tiroi, walhal Daerah Mengundi Jijan yang padat dengan pengundi dan mempunyai 43 peratus undi keseluruhan DUN Labu kurang diambil perhatian. Bahkan kawasan DM Jijan ini yang terletaknya Bandar Esteks adalah kawasan pengundi golongan pertengahan dan berpendidikan. Umum diketahui bahawa kawasan ini adalah kawasan yang mempunyai pengundi PN terutamanya PAS. Kalau di DM Labu dan Tiroi terdapat sekitar 300 ke 400 pengundi muda, di Esteks misalnya terdapat lebih daripada 3,000 pengundi anak muda. Berbanding PRU-14, PRN-15 menyaksikan Daerah Mengundi Jijan telah mempunyai jumlah pengundi 43 peratus pengundi daripada jumlah pengundi sebanyak hampir 30,000. Ditambah dengan kumpulan pengundi adalah daripada kalangan golongan M40 dan ke atas.

Faktor kedua menyentuh isu persepsi kronisme dalam kalangan akar umbi apabila anak dan isteri calon dilihat 'lebih sudu daripada kuah', yang sering campur tangan dalam pelbagai urusan sehingga menimbulkan rasa terpinggir. Peranan isteri yang digambarkan sebagai 'queen control' memperkukuh tanggapan bahawa kuasa sebenar bukan pada calon itu sendiri, sebaliknya dipegang keluarga terdekat. Keadaan ini menimbulkan gerakan penolakan "asalkan bukan calon sedia ada", walaupun calon PH tersebut sebenarnya dikenali ramai dan aktif dalam program keagamaan di masjid serta surau. Sensasi kronisme ini akhirnya mencetuskan undi protes yang merencat sokongan terhadap calon yang sebenarnya mempunyai kredibiliti dan jaringan masyarakat kukuh.

Keyakinan berlebihan PH berpunca daripada keputusan PRU-14, iaitu calon PH memenangi kerusi dengan 6,712 undi berbanding 5,830 undi untuk UMNO dan hanya 2,093 undi untuk PAS. PH menganggap gabungan sokongan rakan kerjasama BN/UMNO bakal melonjakkan majoriti, lalu mengabaikan kepentingan pengundi atas pagar dan golongan muda yang semakin kritikal dalam menentukan keputusan. Lebih malang, PH menyerahkan sepenuhnya pengurusan beberapa Daerah Mengundi kepada UMNO untuk mendekati pengundi, tanpa kawalan dan penyelarasan strategi. Akibatnya, tiada suara PH yang jelas di kawasan tersebut, terutama dalam kalangan anak muda sehingga ruang propaganda parti lawan menjadi dominan. Sikap sambil lewa ini akhirnya melemahkan rangkaian sokongan PH dan membuka peluang kepada PN/Bersatu meraih kerusi dengan mudah.

Sabotaj akar umbi UMNO turut mempengaruhi keputusan DUN Labu apabila sebahagian mereka berpendirian Labu sepatutnya diwakili calon UMNO. Alasan ini diberikan memandangkan DUN Labu satu-satunya DUN Melayu dalam Parlimen Rasah, manakala empat DUN lain dikuasai DAP. Ketidakpercayaan terhadap Kerajaan Perpaduan yang melibatkan DAP yang sentiasa dipersepsi anti-Ketuanan Melayu dan sering mencabar kedudukan Islam serta institusi raja telah membentuk sentimen kuat dalam kalangan kira-kira 4,200 pengundi Melayu berumur lebih 60 tahun di Labu, sebahagiannya memilih calon PN sebagai bantahan senyap. Di Daerah Mengundi Kampong Kondok, calon PN, Anip Abu Bakar, menang selesa dengan 1,024 undi berbanding 660 undi PH, menjadikan majoritinya 364 undi. Begitu juga di Kampong Gadong Jaya dan Labu Jaya antara dua Daerah Mengundi dengan akar umbi UMNO yang padat, calon PN berjaya menewaskan PH dengan majoriti masing-masing 605 dan 549 undi.

Selain itu, sabotaj dalaman daripada kalangan ahli parti sendiri terutamanya daripada anggota PKR sendiri yang telah menjadi punca utama kegagalan strategi kempen di DUN Labu. Keadaan ini dikeruhkan lagi oleh keputusan untuk melantik seorang Pengarah Pilihan Raya yang kekurangan pengalaman dan pengaruh di peringkat akar umbi dan kawasan. Bahkan pencalonan semula calon sebelum ini yang terpalit dengan sidang media pada 6 September 2021, seperti dilaporkan oleh Malaysiakini (2021) bertajuk "Akar umbi PKR Negeri Sembilan hilang kepercayaan terhadap MB", menimbulkan kurang senang kalangan kelompok tertentu dalam parti. Rakaman dan laporan berkenaan telah menimbulkan kegelisahan serta rasa tidak puas hati yang mendalam dalam kalangan petugas dan penyokong tegar Aminuddin Harun, Pengerusi

Perhubungan PKR Negeri yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan. Kekecewaan ini sekali gus melahirkan rasa tidak puas hati yang terjelma dalam kurangnya komitmen dan semangat bekerja semasa minggu berkempen, terutamanya apabila Bilik Gerakan Utama PH di Pekan Labu gagal beroperasi secara optimum, terutamanya pada waktu malam yang mana sewajarnya menjadi masa paling kritikal untuk merangka strategi pecutan terakhir kempen.

Dalam masa yang sama, barisan petugas PN, khususnya ahli dan penyokong PAS, menunjukkan tahap kesetiaan dan keazaman yang tinggi apabila memberi tumpuan sepenuhnya kepada calon PN daripada BERSATU. Mereka menggunakan pelbagai medium seperti ceramah jalanan hingga pemanfaatan media sosial seperti TikTok bagi memastikan mesej parti sampai ke golongan pengundi muda dan golongan digital yang semakin dominan. Gerak kerja ini disusun dengan kemas, jadual ceramah maya diselang-seli dengan muat naik video pendek berunsur 'behind-the-scenes' dan komen balas pantas terhadap soalan pengundi. Pendekatan ini turut disokong oleh kumpulan sukarelawan yang terlatih dalam penghasilan kandungan digital, sekali gus membolehkan calon PN menonjol di platform popular tanpa memerlukan perbelanjaan besar untuk iklan tradisional. Hasilnya, PN berjaya membina momentum yang lebih mantap dan meraih perhatian pengundi di DUN Labu, mengatasi kekangan operasi yang dihadapi pihak PH. Jadual 7 ditunjukkan ringkasan faktor penolakan pengundi Melayu terhadap PH dan BN di kawasan DUN kajian pada PRN-15 di Negeri Sembilan.

Jadual 7. Faktor Penolakan Pengundi Melayu terhadap PH dan BN di Kawasan DUN Kajian dalam PRN-15 Negeri Sembilan

DUN	Faktor Dalam PH dan BN	Faktor Luaran/ Dimanfaatkan PN
Gemas	Pemilihan calon BN melumpuhkan jentera PH secara menyeluruh; isu setempat FELDA (perumahan generasi kedua, CF Taman Pinggiran FELDA) tidak diselesaikan; kerjasama UMNO dan PKR rapuh di peringkat akar umbi	Naratif Melayu dan Islam; dan undi protes berkesan; kekeliruan dalam kalangan pengundi pos dan awal akibat ketiadaan kesepakatan Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri; peralihan sokongan anggota keselamatan
Bagan Pinang	Persepsi kronisme dan nepotisme keluarga calon BN; liabiliti politik akibat isu rasuah melibatkan tokoh keluarga; kegagalan meraih keyakinan pengundi Melayu	Latar belakang calon PN sebagai bekas tentera; eksploitasi naratif 'bersih' dan Islamik; sokongan kuat undi pos dan undi awal; penguasaan PN di DM majoriti Melayu.
Paroi	Penyingkiran penyandang menyebabkan konflik dalaman AMANAH; jentera parti berpecah; isu kebijakan peniaga kecil dan pasca COVID-19 tidak ditangani sebaiknya.	Undi protes dan undi berpecah termasuk kemunculan calon Bebas; PN memanfaatkan kelemahan koordinasi PH dan ketidakpuasan akar umbi.
Serting	Keresahan peneroka FELDA terhadap kos sara hidup dan harga sawit; penolakan kerjasama UMNO-PH-DAP; kemerosotan sokongan BN dan PH serentak	Kempen bersepadu PN dengan pendekatan kebijakan; naratif protes tersebar melalui media sosial dan komunikasi tidak formal; sokongan merentasi kaum
Labu	Kesilapan strategi kempen (abaikan DM padat seperti Jijan); persepsi kronisme keluarga calon; sabotaj dalaman UMNO dan PKR; pengurusan jentera tidak berkesan	Kempen digital agresif PN (TikTok, media sosial); sokongan padu jentera PAS; sentimen anti-DAP dalam kalangan pengundi Melayu berusia; undi protes "asal bukan calon sedia ada"

Sumber : Diubah suai daripada Data Kajian

Secara sintesis, jadual 7 merumuskan bahawa penolakan pengundi Melayu terhadap PH/BN dalam PRN-15 Negeri Sembilan bukan berpunca daripada satu faktor tunggal, sebaliknya terhasil daripada interaksi kompleks antara kelemahan dalaman gabungan pemerintah dan keupayaan PN mengeksploitasi sentimen sedia ada di peringkat lokal. Di hampir semua DUN kajian, isu pemilihan calon, konflik dan sabotaj dalaman, kegagalan menyelesaikan masalah setempat serta kerjasama PH-BN yang rapuh di akar umbi telah melemahkan kepercayaan pengundi Melayu. Kelemahan ini dimanfaatkan secara strategik oleh PN melalui

naratif Melayu–Islam, kempen media sosial yang agresif, latar belakang calon yang selari dengan identiti setempat serta pendekatan kebajikan dan komunikasi langsung, termasuk dalam kalangan pengundi pos dan undi awal. Kesannya, berlaku peralihan sokongan yang konsisten di kawasan majoriti Melayu, sekali gus mencerminkan perubahan tingkah laku pengundian yang semakin bersifat pragmatik, berasaskan lokaliti dan dipengaruhi konteks geobudaya serta sentimen politik semasa

Kesimpulan

Keputusan PRN-15 Negeri Sembilan menunjukkan peralihan sokongan pengundi Melayu yang ketara kepada Perikatan Nasional (PN), terutamanya melalui kemenangan di lima DUN majoriti Melayu yang sebelum ini dianggap ‘fixed deposit’. Analisis mengikut daerah mengundi, saluran mengundi dan jumlah undi popular menunjukkan penguasaan PN yang konsisten, termasuk dalam kalangan pengundi pos dan undi awal. Fenomena ini mencerminkan penolakan terhadap gabungan PH dan BN, yang berpunca daripada faktor dalaman seperti pemilihan calon, kelemahan jentera, konflik akar umbi, serta kegagalan menangani isu setempat, di samping keupayaan PN mengeksploitasi naratif identiti Melayu Islam dan sentimen protes melalui kempen media sosial yang tersusun.

Dapatan ini membawa implikasi penting terhadap strategi politik gabungan pemerintah, khususnya PH dan BN, di mana sokongan pengundi Melayu tidak lagi bersifat statik atau boleh dianggap sekadar berasaskan kekuatan struktur parti semata-mata. Keperluan untuk menilai semula strategi pemilihan calon, memperkukuh penyelarasan jentera gabungan, serta memberi keutamaan kepada isu mikro setempat menjadi semakin kritikal dan perlu dalam landskap politik yang lebih mencabar. Pada masa yang sama, penguasaan wacana politik di media sosial dan pendekatan komunikasi yang lebih sensitif terhadap kebimbangan identiti, ekonomi, dan keselamatan pengundi Melayu perlu diperkasakan. Dibalik itu, PN perlu memastikan naratif yang dibina diterjemahkan kepada prestasi dan dasar yang konkrit untuk mengekalkan sokongan.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai had dari segi skop dan pendekatan kerana bergantung terutamanya kepada data sekunder dan analisis keputusan pilihan raya tanpa sokongan data primer seperti temu bual mendalam atau kajian tinjauan sikap pengundi. Tumpuan kepada beberapa DUN terpilih juga menghadkan kejituan dapatan kepada keseluruhan negeri atau konteks nasional. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan bagi menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, termasuk analisis wacana media sosial serta kajian perbandingan rentas negeri, untuk menilai secara lebih mendalam peranan faktor geografi politik, generasi, dan kelas sosial dalam membentuk tingkah laku pengundian Melayu pasca PRU-15.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abd Hamid, M. A., & Thukiman, K. (2022, November 23). Naratif “kaum dan agama” mampu gugat agenda perpaduan nasional. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agenda-perpaduan-nasional>
- Ahmad, M. & Awang Besar, J. & Mat Jali, M. F. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan kemunculan politik baharu. *Akademika*, 94(3), 204-233.
- Ahmad, M. & Awang Besar, J. (2024). Pola pandangan pengundi Melayu pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication* 9(36), 37-52.
- Ahmad, M. & Awang Besar, J. (2025a). Pilihan Raya Negeri ke-15: Pola pengundian mengikut saluran mengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (N20) Labu, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(1), 1-21.
- Ahmad, M. & Awang Besar, J. (2025b). Pilihan Raya Negeri ke-15, Negeri Sembilan di sebalik kebangkitan sokongan Melayu kepada Perikatan Nasional. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10(39), 160-177.

- Alias, A. Y. & Hamil, J. (2023). Keberkesanan strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan golongan Islamis. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(4), 451-473.
- Awang Besar, J. (2021). Pengenalan. Dlm. Awang Besar, J. Mat Jali, M. F. & Yusuff, N. A. (Pnyt). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia Dalam PRU-14*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Awang Besar, J. (2022). Faktor sokongan pengundi kaum Melayu kepada Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke15, 2022. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 436-445.
- Awang Besar, J. (2023). PRU-15:Tiadanya parti politik yang menang majoriti mudah 112 kerusi Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 97-121.
- Awang Besar, J., Abadi, A. M. & Zulkipli, A. A. (2018). Gelombang rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. 28-29 Julai.
- Awang Besar, J., Jaafar, M. & Ahmad, M. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 206-220.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., & Yusuff, N. A. (2021a). Pasca PRU-14: Dinamika politik menuju PRU-15. Dlm. Awang Besar, J., Mat Jali, M. F. & Yusuff, N. A. (Pnyt). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia Dalam PRU-14*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Awang Besar, J., Mohd Yusof, A. R., Ghazali, A. S., Ali, M., Yusuff, N. A., Nayan, N. & Boyman, S. N. (2020). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 128-144.
- Awang Besar, J., Othman, Z., Lyndon, N. & Abdul Halim, A. H. (2023). Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri di Malaysia 2023: Satu analisis geografikal dan sosiologikal. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 22-37.
- Berita Harian. (2023, July 28). Kami mahu YB Taufik. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131418/kami-mahu-yb-taufik>
- Brahim, M. & Tajudin, A. S. (2022). *Politik Melayu: Penentu kelangsungan kuasa Barisan Nasional*. Read Resources.
- Evans, J, Arzheimer, K, Campbell, R & Cowley, P. (2017). Candidate localness and voter choice in the 2015 General Election in England. *Political Geography*, 59, 61-71.
- Fauzi, R., Said, M. M. & Marzuki, M. F. (2019). Cabaran hala tuju politik Malaysia pasca PRU Ke-14. Dlm. Abdul Rahman, Z., Fauzi, R. & Ghazali, A. S. (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail, M. M., Adnan, Z. H. & Ishak, M. S. (2023). Kecenderungan pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 224-240
- Ismail, S. F. & Awang Besar, J. (2024). Literasi politik pengundi di Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(4), 486-499
- Jaafar, M., Awang Besar, J., Awang, A., Choy, L. K. & Ahmad, M. (2021b). Tumbangnya BN di Negeri Sembilan dalam PRU-14. Dlm. Awang Besar, J. Mat Jali, M. F. & Yusuff, N. A. (Pnyt). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia Dalam PRU-14*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Jungherr, A. (2016). Twitter use in election campaigns: A German case study. In A. Bruns, G. Enli, E. Skogerbo, A. O. Larsson, & C. Christensen (Eds.), *The Routledge companion to social media and politics* (pp. 288–304). Routledge.
- Malaysiakini. (2021). *Akar umbi PKR N Sembilan hilang kepercayaan terhadap MB*. <https://m.malaysiakini.com/news/590114>
- Meesuwan, S. (2016). The effect of Internet use on political participation: Could the Internet increase political participation in Thailand? *International Journal of Asia Pacific Studies*, 12(2), 57-82.

- Ming, O. K. (2024). *Scrutinizing The DAP's Success in The 2023 Malaysian State Elections. (Meneliti Kejayaan DAP pada PRN Malaysia 2023)*. Yusof Ishak Institute @ ISEAS.
- Mizul, S. S. S. & Awang Besar, J. (2024). Dinamika politik pilihan raya di kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(3), 1-13.
- Mohd Basori, N. E., Mat Jali, M. F. & Awang Besar, J. (2022). Jati diri dan pola pengundian belia Melayu dalam PRU 14. Dlm. Abdullah, A., Yusoff, N. H. & Mat Jali, M. F. *Pemeriksaan Belia dan Wanita*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- SPR. (1999). Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2004). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Tahun 2004. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2008). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Tahun 2008. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2013). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Tahun 2013. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2018). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Tahun 2018. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2023). Laporan Statistik Pilihan Raya Umum ke 15. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Sualman, I. (2021). The Role of social media on political voting behaviour in 14th General Election. In Sualman, I., Abdul Razak, F. H. & Jalli, N. *Media, Politics and Democracy in the 14th Malaysian General Election*. Penerbit UiTM.
- Yaacob, N. H. (2022). Gerakan Islam dan demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan kerjasama. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman & Abu Hanifah Haris (Editor). *Budiman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yazid, M. N. (2023). Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15. *Dewan Masyarakat*. 02/Februari. Jilid 60.
- Yusoff, M. R. Juhari, S. N., Musa, M. H. & Mohamad, F. (2023). Pilihan Raya Negeri ke-15, Negeri Sembilan: Di sebalik kebangkitan pengundi Melayu kepada Perikatan Nasional. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 13-29
- Zakaria, N. (2023). PAS Lencongkan Undi Anak Muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.
- Zulkifli, K. S., Sim, J. W. & Norazmi, M. A. H. (2022). PRU-15 di Negeri Sembilan: Kubu Parlimen terakhir UMNO di Semenanjung Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(4), 2101-2119.